

KEDUDUKAN FATWA DALAM PERUNDANGAN ISLAM

Pendahuluan

Secara umumnya, fatwa merupakan jawapan atau penjelasan hukum yang diberikan oleh seorang yang arif dalam Hukum Syarak kepada individu yang bertanya. Fatwa yang diberikan adalah berdasarkan dalil-dalil Syarie sebagai sandaran utama di samping merupakan mekanisme penyelesaian terhadap permasalahan mahupun isu yang timbul di kalangan umat Islam.

Autoriti Fatwa

Fatwa terhasil melalui proses ijtihad iaitu mengkaji serta meneliti akan dalil-dalil Syarak yang menjurus kepada persoalan atau isu yang dibincangkan. Terma lain yang berkaitan dengan ijtihad ialah istinbat iaitu mengeluarkan Hukum Syarak berdasarkan dalil-dalilnya sama ada difahami secara langsung melalui nas atau melalui kaedah bahasa Arab yang meliputi beberapa kaedah seperti *i'rab*, *mafhum mukhalafah* dan sebagainya.

Individu yang bertanggungjawab dalam urusan fatwa ini dikenali sebagai Mufti yang dilantik sama ada oleh kerajaan atau Sultan. Seseorang Mufti perlu memahami secara lebih mendalam berkenaan isu atau persoalan yang dikemukakan. Hal ini kerana kebanyakan fatwa yang dikeluarkan adalah berkaitan realiti kehidupan semasa yang sentiasa menerima perubahan dan perkembangan. Sebagai contoh, perkembangan ekonomi semasa sentiasa mengalami perubahan dan ini menuntut kepada pemahaman serta penelitian yang cukup mendalam apatah lagi apabila melibatkan status perolehan atau transaksi sama ada halal atau haram.

i. Dalil al-Quran

Antara petunjuk yang jelas mengenai keharusan berfatwa adalah seperti firman Allah SWT dalam surah al-Nisa' ayat 18:

يَسْتَفْتُونَكَ قُلِ اللَّهُ يُفْتِيكُمْ فِي الْكَلَالَةِ

Maksudnya: “Mereka (orang-orang Islam umatmu) meminta fatwa kepadamu (Wahai Muhammad mengenai masalah Kalaalah).”

Firman Allah SWT dalam surah al-Nisa' ayat 127:

وَيَسْتَفْتُونَكَ فِي النِّسَاءِ قُلِ اللَّهُ يُفْتِيكُمْ فِيهِنَّ وَمَا يُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ فِي الْكِتَابِ ...

Maksudnya: “Dan mereka meminta fatwa kepadamu (wahai Muhammad), mengenai (hak dan kewajiban) kaum perempuan. Katakanlah olehmu: Allah akan memberi keterangan (fatwa) kepada kamu mengenai mereka dan juga (ada difatwakan dalam) apa yang selalu dibacakan kepada kamu dalam Kitab (Al-Quran) ini...”

ii. Dalil al-Sunnah

Rasulullah SAW telah member pengiktirafan kepada Saidina Muaz bin Jabal dalam urusan ijthihad dan fatwa ketika beliau dihantar ke Yaman untuk menyebarkan ajaran Islam:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ بَعَثَ مُعَاذًا إِلَى الْيَمَنِ، قَالَ: كَيْفَ تَقْضِي؟ قَالَ: أَقْضِي بِكِتَابِ اللَّهِ. قَالَ: فَإِنْ لَمْ يَكُنْ فِي كِتَابِ اللَّهِ؟ قَالَ: فَمِسْنَةَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. قَالَ: فَإِنْ لَمْ يَكُنْ فِي سُنَّةِ رَسُولِ اللَّهِ؟ قَالَ: أَجْتَهِدُ رَأْيِي. قَالَ: الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي وَفَّقَ رَسُولَ رَسُولِ اللَّهِ.

Maksudnya: *“Bahawasanya Rasulullah SAW telah mengutus Saidina Muaz ke Yaman lalu bersabda: Bagaimanakah kamu mengeluarkan hukum? Jawab Saidina Muaz: Aku mengeluarkan hukum dengan apa yang terkandung di dalam kitab Allah (al-Quran). Sabdanya: Jika tidak terdapat di dalam kitab Allah? Jawabnya: Maka dengan sunnah Rasulullah SAW. Sabdanya: Jika tidak terdapat di dalam sunnah Rasulullah SAW? Jawabnya: Aku berijtihad dengan akal fikiranku. Bersabda Baginda: Segala puji bagi Allah yang telah memberikan pertunjuk terhadap utusan Rasulullah.”*

(Riwayat Abu Daud dan al-Tirmizi)

iii. Dalil Ijma‘

Pada asasnya, jumurh ulama serta imam-imam bagi Mazhab Muktabar iaitu Mazhab Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali telah bersepakat menerima ijthihad atau fatwa sebagai salah satu dari sumber perundangan Islam. Kesan dari amalan ijthihad ini ialah khazanah hukum-hukum fiqh yang kaya dan merupakan hasil kajian penelitian oleh para Mujtahid yang terdahulu.

Peranan Fatwa

Selain peranan fatwa sebagai penjelasan Hukum Syarak, ia juga merupakan manifestasi ke arah kewujudan fahaman mazhab yang pelbagai dalam sejarah perundangan Islam. Jika diteliti, terdapat beberapa pandangan yang dikemukakan oleh Ashab al-Mazhab yang kadang kala sedikit berbeza berbanding fatwa atau pandangan yang dikemukakan oleh Imam Mazhab. Hal ini disebabkan oleh perubahan masa dan keadaan yang telah dilalui oleh mereka yang mendorong ke arah pendekatan ijthihad umpamanya.

Fatwa juga merupakan medium penyelesaian terhadap sesuatu isu yang terdorong oleh faktor masa dan persekitaran. Misalnya, isu pembinaan kubur secara bertingkat yang turut mempengaruhi keperluan setempat serta faktor masa yang berkaitan. Selain itu, ia turut berperanan dalam mengekang penyebaran ajaran salah seperti Bahai, Syiah, al-Arqam dan sebagainya.

Hukum Berfatwa dan Berijtihad

Secara dasarnya, golongan awam disarankan agar bertanya kepada mereka yang mahir dalam sesuatu bidang sekiranya timbul sebarang keraguan mahupun kemusykilan mengenainya. Selaras dengan firman Allah SWT dalam surah al-Nahl ayat 43:

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ إِلَّا رِجَالًا نُوْحِي إِلَيْهِمْ فَاسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ٤٣

Maksudnya: *“Dan tidaklah Kami mengutus Rasul-rasul sebelummu (wahai Muhammad), melainkan dari kalangan orang-orang lelaki, yang Kami wahyukan kepada mereka. Oleh itu bertanyalah kamu (wahai golongan musyrik) kepada orang-orang yang berpengetahuan agama jika kamu tidak mengetahui.”*

Jumhur fuqaha' berpandangan bahawa pengeluaran fatwa ini sebenarnya merupakan tuntutan Fardhu Kifayah. Oleh itu, bukanlah sewenang-wenangnya fatwa ini boleh dikeluarkan melainkan setelah dibuat kajian dengan lebih terperinci mengenai isu atau permasalahan yang dikemukakan.

Namun, sekiranya didapati hanya seorang sahaja yang berada di tempat tersebut ketika mana persoalan diajukan dan tidak didapati mana-mana orang lain yang turut bersama dengannya maka ketika itu hukum berfatwa menjadi Fardhu 'Ain. Hal ini bermakna, beliau wajib menjawab persoalan berkenaan.

Manakala ijtihad pula hanya diharuskan kepada golongan Qadhi dan Mufti sahaja. Hal ini diperlukan apabila timbul sesuatu masalah yang tidak terdapat nas mengenainya di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Perkara ini telah ditegaskan oleh para ulama' Salaf dan Khalaf serta Fuqaha' terkemuka seperti Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam al-Syafie, Imam Hanbali, Imam al-Auza'iy, Imam al-Thawriyy, Abi 'Ubaidah dan sebagainya.

Kesimpulan

Setiap fatwa yang dikeluarkan sebenarnya mempunyai asas yang tersendiri di samping sandaran hujah yang kukuh. Selain itu, ia turut mengambil kira kepentingan umat Islam dari sudut ajaran dan pegangan. Sewajarnya bagi umat Islam agar menghormati fatwa yang dikeluarkan demi kesejahteraan hidup umat Islam dalam menjalani kehidupan seharian.